

02 JUL 2003

CSFB-MALAYSIA/I

CSFB TINGKATKAN UNJURAN PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Credit Suisse First Boston (CSFB) telah meningkatkan unjuran pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia tahun ini kepada 4.0 peratus daripada 3.7 peratus.

Ia juga selesa dengan unjuran pertumbuhan tahun depan pada 5.3 peratus, demikian menurut bank pelaburan itu dalam "Laporan Suku Tahunan Pasaran Sedang Muncul" yang dikeluarkan di sini hari ini.

Menurutnya, pakej fiskal yang diperkenal kerajaan untuk merangsang pertumbuhan domestik menerusi langkah kewangan mudah akan membantu merangsang pertumbuhan pada setengah tahun kedua 2003.

Walaupun perbelanjaan fiskal tambahan sebanyak RM1.7 bilion dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan akan meningkatkan defisit fiskal kepada 4.7 hingga 4.9 peratus daripada KDNK berbanding 3.9 peratus sebelum ini, kadar faedah yang lebih rendah akan mengekalkan defisit di laluan mapan, katanya.

Pada masa yang sama, penarafan negara pada "BBB+"/"Baa1" mungkin kekal kerana tahap mudah tunai luaran yang mantap dan hutang kerajaan (berbanding nisbah KDNK) yang rendah pada 46 peratus, katanya.

Pada 21 Mei lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pakej strategi ke arah memantapkan pertumbuhan ekonomi negara yang, antara lain, melibatkan pembiayaan RM1.7 bilion dalam bajet kerajaan.

Pakej itu turut mengandungi penubuhan Skim Kredit Mikro dengan dana RM1 bilion untuk peniaga kecil yang diagihkan menerusi Bank Pertanian Malaysia dan Bank Simpanan Nasional.

CSFB menyatakan bahawa dengan penularan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) semakin berkurangan dan pengeluaran pantas dana pinjaman, pertumbuhan ekonomi akan melantun kepada empat hingga lima peratus pada separuh kedua tahun ini dengan dibantu oleh pakej fiskal itu, yang akan membantu merangsang pertumbuhan.

Dasar kewangan mudah dan dana pinjaman dijangka merangsang agregat kewangan pada separuh kedua tahun ini,

Selain itu, dengan unjuran kerugian pendapatan daripada perjalanan akibat SARS, lebih akaun semasa dijangka berkurangan sedikit sebanyak 0.6-1.0 peratus kepada enam peratus daripada KDNK 2003, iaitu jumlah yang masih besar berbanding 7.7 peratus 2002.

"Dengan kerajaan kini bersedia untuk membiarkan kadar simpanan berkurangan kepada 30 peratus daripada keluaran negara kasar (KNK) untuk tempoh beberapa tahun akan datang daripada 34.4 peratus sekarang, dan kadar pelaburan dijangka meningkat, kami rasa lebih akaun semasa akan berkurangan di masa depan," katanya.

Bagaimanapun, selepas pelaburan besar dalam prasarana fizikal dan insentif untuk pelbagai industri perkhidmatan, Malaysia telah mula bersaing dengan cepak dengan Singapura sebagai pusat perkhidmatan.

Ia akan membolehkan defisit perkhidmatan merosot sehingga hampir sifar menjelang 2005 dan membolehkan lebih akaun semasa kekal di atas tiga peratus untuk tempoh dua tahun akan datang.

CSFB juga menjangkakan peralihan politik yang lancar Oktober ini.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi amaran tentang sebarang cabaran terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk kerusi presiden UMNO di pemilihan parti tahun depan," katanya.

"Ketika ketiadaan PM pada Mac dan April, Abdullah diberi pujian kerana

tindakannya yang matang dalam menangani beberapa situasi mencabar, termasuk penularan SARS dan perang Iraq." -- BERNAMA

WNZ TJK JR